

Peruntukkan Kewangan bagi Panitia Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Menengah: Kajian Kes Isu, Masalah dan Cadangan Penambahbaikan

Financial Allocation for Subject Committees Design and Technology (RBT) in Schools
Secondary: Case Studies of Issues, Problems and Suggestions Improvement

Ahmad Zulhairie Abu Bakar, Abdul Muqsinh Ahmad*, Nurhan Ayub, Munnirah Mohadhir@Mokhdir, Nur Aziela Suhaimi, Fardila Mohd Zaihidee

Jabatan Kejuruteraan Teknikal, Fakulti Teknikal dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author email: muqsith@ftv.upsi.edu.my

SEJARAH ARTIKEL

Diterima: 04 Oktober 2025
Disemak: 30 Oktober 2025
Diterima: 20 November 2025
Diterbitkan: 08 Disember 2025

KATA KUNCI

Peruntukan kewangan, Bantuan Per Kapita Gran (PCG) Reka Bentuk dan Teknologi, Guru Kanan Mata Pelajaran Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) SDG 4

Abstrak - Kajian kes ini dijalankan bagi meneliti secara mendalam isu berkaitan pengurusan peruntukan kewangan panitia mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di sebuah sekolah menengah luar bandar. Fokus utama kajian adalah untuk mengenal pasti punca masalah, kesan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran, serta mencadangkan strategi penambahbaikan yang sesuai dan realistik. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual separa berstruktur, pemerhatian berterusan di bilik bengkel RBT, serta analisis dokumen berkaitan perbelanjaan panitia. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kekurangan peruntukan Bantuan Per Kapita Gran (PCG) merupakan isu paling ketara yang mempengaruhi operasi panitia. Kekangan ini menyebabkan kelewatan pembelian bahan dan alat, kekurangan kelengkapan bengkel, serta ketidakcukupan peralatan untuk melaksanakan aktiviti amali yang sepatutnya dijalankan mengikut silibus. Situasi ini memberi impak negatif terhadap kualiti pembelajaran, keberkesanan PdP berasaskan amali, dan motivasi pelajar untuk terlibat dalam aktiviti yang memerlukan kemahiran teknikal. Selain itu, faktor seperti pengurangan bilangan murid yang mengambil mata pelajaran RBT dan pengagihan kewangan sekolah yang tidak mencukupi turut dikenal pasti sebagai punca utama kekurangan peruntukan. Berdasarkan dapatan tersebut, beberapa cadangan penambahbaikan dikemukakan, antaranya meningkatkan penglibatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), menjana pendapatan melalui penganjuran Karnival Inovasi, serta menyediakan modul pembelajaran RBT untuk tujuan pengumpulan dana. Daripada ketiga-tiga cadangan tersebut, penganjuran Karnival Inovasi dikenal pasti sebagai cadangan terbaik kerana berpotensi menarik penyertaan komuniti setempat, mempromosikan kreativiti pelajar dan menjana sumber kewangan alternatif secara berterusan. Implikasi kajian ini diharapkan dapat membantu memperkukuh pengurusan kewangan panitia serta menyokong usaha ke arah meningkatkan kualiti pendidikan teknikal dan vokasional secara menyeluruh.

Abstract - This case study was conducted to examine in depth issues related to the management of financial allocations for the Design and Technology (RBT) subject committee in a rural secondary school. The main focus of the study was to identify the causes of the problems, the impact on the teaching and learning process, and to propose appropriate and realistic improvement strategies. This research used a qualitative approach through semi-structured interviews, continuous observations in the RBT workshop room, and document analysis related to the committee's expenses. The findings showed that the lack of Per Capita Grant (PCG) allocation was the most significant issue affecting the committee's operations. This constraint caused delays in the purchase of materials and tools, lack of workshop equipment, and insufficient equipment to carry out practical activities that should be carried out according to the syllabus. This situation had a negative impact on the quality of learning, the effectiveness of practical-based PdP, and students' motivation to engage in activities that require technical skills. In addition, factors such as the reduction in the number of students taking the RBT subject and inadequate school financial distribution were also identified as the main causes of the lack of allocations. Based on the findings, several suggestions for improvement were put forward, including increasing the involvement of the Parent Teacher Association (PTA), generating income through organizing the Innovation Carnival, and providing RBT learning modules for fundraising purposes. Of the three suggestions, organizing the Innovation Carnival was identified as the best suggestion because it has the potential to attract local community participation, promote student creativity, and generate alternative financial resources on an ongoing basis. The implications of this study are expected to help strengthen the committee's financial management and support efforts towards improving the quality of technical and vocational education as a whole.

PENGENALAN

Pendidikan merupakan bidang yang penting dalam membentuk generasi muda yang berkualiti selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan “Anak Yang Baik lagi Cerdik” (ABC), seperti yang dinyatakan oleh mantan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM), Dato’ Hj Pkharuddin Hj Ghazali. Konsep ABC ini menekankan pendekatan untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga memiliki sahsiah diri yang mulia. Slogan ini diwujudkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memudahkan masyarakat memahami dan menghayatinya bersama. Dalam usaha mencapai matlamat melahirkan generasi ABC, sekolah menjadi institusi utama yang bertanggungjawab melaksanakan program pendidikan negara berdasarkan dasar dan falsafah yang telah digariskan.

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan program-program pendidikan yang dirancang, sekolah memerlukan sokongan kewangan yang mencukupi daripada kerajaan pusat. Bantuan kewangan yang disalurkan kepada semua sekolah dikenali sebagai Bantuan Geran Per Kapita (PCG) yang diagihkan berdasarkan bilangan murid yang bersekolah pada tahun semasa. Bantuan ini terdiri daripada PCG Mata Pelajaran dan PCG Bukan Mata Pelajaran. PCG Mata Pelajaran merujuk kepada peruntukan yang diberikan bagi setiap mata pelajaran mengikut kadar yang ditetapkan melalui surat pekeliling kewangan yang sah. Sementara itu, PCG Bukan Mata Pelajaran ialah peruntukan bagi tujuan pembangunan Pusat Sumber Sekolah atau perpustakaan, program bimbingan dan kaunseling serta perbelanjaan khas lain (LPBT/LPK) seperti bil utiliti, perkhidmatan, pembaikan kecil dan penyelenggaraan inventori.

Kadar peruntukan bagi setiap mata pelajaran berbeza seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Kewangan Bil. 8 Tahun 2012. Bagi memastikan matlamat ini tercapai, pengetua bertanggungjawab mengurus kewangan sekolah berdasarkan panduan yang terdapat dalam Buku Panduan Kewangan Sekolah, arahan perbendaharaan serta surat pekeliling kewangan yang dikeluarkan oleh KPM dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Menurut Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (2001), pengetua sebagai pentadbir sekolah perlu memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan secara cekap dan berkesan. Guru Kanan Mata Pelajaran atau Ketua Panitia bagi setiap mata pelajaran pula bertanggungjawab merancang program atau aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) serta memastikan perbelanjaan PCG Mata Pelajaran digunakan dengan tepat dan mengikut tujuan yang telah ditetapkan.

Saban tahun, semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan akan menerima peruntukan kewangan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Peruntukan ini hanya digunakan untuk tujuan yang berkaitan dengan pengurusan di sekolah. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti isu-isu berkaitan peruntukan kewangan yang disalurkan oleh pihak sekolah kepada Panitia Reka Bentuk dan Teknologi (RBT). Kajian ini juga bertujuan untuk meneliti punca, kesan, dan cadangan penambahbaikan bagi mengatasi isu tersebut sepanjang tahun 2024. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah dan guru Panitia RBT merancang penggunaan peruntukan kewangan dengan lebih teratur sekali gus memberi manfaat kepada pelajar, guru dan sekolah.

Namun demikian, terdapat beberapa sekolah yang masih tidak menguruskan kewangan yang diterima dengan baik. Hal ini disebabkan oleh kegagalan pihak sekolah untuk mengagihkan peruntukan kewangan daripada KPM secara adil mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Selain itu, terdapat ketua panitia yang kurang arif dalam pengurusan kewangan menyebabkan perbelanjaan dilakukan tanpa mematuhi tatacara perbelanjaan yang betul. Oleh itu, kajian ini turut membincangkan langkah-langkah untuk memperbaiki pengurusan bantuan kewangan panitia dengan baik.

Tumpuan utama kajian ini akan memfokuskan kepada penguasaan ilmu pengurusan kewangan yang perlu dimiliki oleh setiap pemimpin dalam sesebuah organisasi. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti isu, masalah serta kesan berkaitan peruntukan yang diterima oleh Panitia RBT dan mencadangkan penambahbaikan untuk memastikan peruntukan digunakan bagi manfaat semua murid.

Di samping itu, kajian ini ingin menilai kemahiran dan pengetahuan ketua Panitia RBT dalam menguruskan peruntukan bantuan kewangan PCG yang diterima. Tambahan itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti isu-isu berkaitan pengurusan peruntukan kewangan PCG Panitia RBT

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif seperti berikut:

1. Meneliti punca penurunan jumlah peruntukan bantuan kewangan yang diberikan berbanding tahun sebelumnya.
2. Mengkaji kesan jika peruntukan bantuan kewangan yang diterima tidak mencukupi.
3. Menenal pasti langkah penambahbaikan untuk menambah dana peruntukan kewangan dalam Panitia RBT di sekolah.

METODOLOGI

Kajian kes ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif untuk meneliti secara mendalam isu kekurangan dana Panitia Mata Pelajaran RBT di sekolah. Data diperoleh melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen yang melibatkan pihak sekolah, guru Panitia dan wakil PIBG. Proses penyelesaian masalah dijalankan secara sistematik bermula dengan mengenal pasti masalah utama dan mengumpulkan maklumat terperinci. Masalah dijelaskan menggunakan alat analisis seperti teknik *Five Whys*, *Brainstorming*, dan *Ishikawa Diagram* bagi mengenal pasti punca akar serta merangka penyelesaian yang sesuai. Beberapa cadangan dikenal pasti termasuk memohon sumbangan daripada PIBG, menganjurkan aktiviti teknik dan vokasional, menyertai program seperti Hari Kantin, menghasilkan bahan pembelajaran untuk dijual dan menganjurkan Karnival Inovasi. Melalui kaedah *reverse brainstorming* dan konsensus, cadangan terbaik iaitu "Menganjurkan Karnival Inovasi" dipilih kerana potensinya untuk melibatkan komuniti yang lebih luas dan menjana hasil yang signifikan. Pelaksanaan cadangan melibatkan pembentukan jawatankuasa khas, penyediaan bajet yang terperinci serta kolaborasi dengan penaja dan komuniti bagi memastikan kejayaan program. Pendekatan metodologi ini memastikan dapatan kajian yang menyeluruh dan pelaksanaan penyelesaian masalah yang efektif.

LOKASI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan di sebuah sekolah menengah yang terletak di kawasan selatan negeri Kedah di mana sekolah ini tergolong dalam kategori sekolah luar bandar. Sekolah ini menjalankan dua sesi persekolahan iaitu sesi pagi dan sesi petang. Jumlah guru terkini di sekolah tersebut adalah seramai

98 orang manakala Ahli Kumpulan Pelaksana (AKP) pula terdiri daripada 15 orang. Dengan itu, jumlah keseluruhan staf di sekolah ini adalah seramai 113 orang.

Pada tahun 2024, sekolah ini mempunyai 737 murid lelaki dan 696 murid Perempuan yang menjadikan jumlah keseluruhan murid adalah seramai 1,433 orang. Daripada jumlah ini, murid Tingkatan 1 adalah seramai 286 orang, Tingkatan 2 berjumlah 265 orang dan murid Tingkatan 3 adalah seramai 275 orang. Oleh itu, jumlah keseluruhan murid Tingkatan 1, 2, dan 3 ialah 826 orang yang juga merupakan kumpulan murid yang mengambil mata pelajaran RBT di sekolah tersebut. Majoriti murid ini tinggal berhampiran kawasan sekolah dan menggunakan pelbagai kemudahan seperti basikal, motosikal, van, dan bas sekolah untuk ke sekolah.

INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen sebagai instrumen kajian. Penggunaan pelbagai kaedah pengumpulan data dapat meningkatkan kesahan kajian yang dijalankan (Noraini Idris, 2010). Temu bual melibatkan seorang guru RBT di sekolah tersebut yang telah memegang jawatan sebagai ketua panitia RBT selama enam tahun. Guru tersebut memiliki ijazah dari Universiti Putra Malaysia dan telah berkhidmat dalam bidang pendidikan selama 13 tahun. Responden lain ialah seorang kerani bahagian kewangan yang berpengalaman lama di sekolah tersebut serta memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan sekolah.

Setiap sesi temu bual yang diadakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat atau kenyataan lisan berkaitan tajuk kajian. Pemerhatian juga digunakan dengan membuat catatan tambahan semasa temu bual untuk menilai aspek gerak geri, bahasa badan dan reaksi ketika soalan dijawab. Di samping itu, pemerhatian dilakukan terhadap ketua panitia RBT bagi meneliti aktiviti yang dilaksanakan dalam menguruskan kewangan panitia tersebut.

PENJELASAN MASALAH

Penjelasan masalah merupakan cara bagaimana masalah itu mendapat perhatian dan bagaimana ia telah dirangka menggunakan saiz masalah dan punca masalah dimana boleh membantu untuk memastikan bahawa masalah itu memerlukan perhatian dan pilihan yang sesuai untuk menangani masalah itu untuk dipertimbangkan. Justeru itu, untuk mengetahui isu, masalah dan kesan terhadap peruntukan yang diterima kepada panitia RBT yang boleh dilakukan bagi memastikan peruntukan diterima dapat digunakan untuk semua murid boleh dilakukan dengan kaedah ini.

Teknik *Brainstorming* digunakan pada peringkat awal untuk mendapatkan idea. Dalam proses ini, tiada penghakiman dibuat terhadap idea yang dikemukakan dan tiada konsep “betul” atau “salah”. Pendekatan ini membolehkan setiap ahli kumpulan menyuarakan pendapat mereka secara bebas. Seterusnya, penggunaan *Fishbone Diagram* atau diagram tulang ikan membantu memperincikan setiap isu mengikut lima kategori utama yang dikenali sebagai 5M (Manusia, Mesin, Kaedah, Material, dan Persekitaran). Pendekatan ini membolehkan kita melihat kesan setiap isu dari pelbagai sudut berdasarkan kategori tersebut.

Di samping itu, teknik *Five Whys* digunakan untuk mengenal pasti punca akar (*root cause*) bagi setiap isu yang dibincangkan. Setiap alat analisis ini mempunyai fokus yang berbeza-beza yang mana kesemuanya saling melengkapi dalam usaha untuk mengkaji dan menganalisis dapatan kajian yang diperoleh daripada temu bual secara lebih menyeluruh dan komprehensif. Rajah 1 menunjukkan langkah penjelasan masalah

Penerangan situasi	- Bantuan kewangan didalam bentuk Bantuan Geran Per Kapita (PCG) mengikut enrolmen murid - Pembahagian wang terhadap pelbagai jabatan - Murid tidak mendapat pembelajaran secara amali
Ringkasan permasalahan	- Peruntukkan lewat - Kadar bagi setiap mata pelajaran adalah berbeza seperti mana yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Kewangan Bil. 8 Tahun 2012 - Penggunaan kewangan dalam panitia
Kenal pasti gejala masalah	50% rancangan pengurusan panitia terganggu - Murid tidak menunjukkan minat terhadap hasil pembelajaran kerana kurang mahir tanpa alat bantu ajar.
Terangkan saiz dan skop masalah	Sekolah RBT dan kesan peruntukan kewangan tidak mencukupi
Kenal pasti akibatnya	- Sekolah: Menjesaskan gred purata bagi RBT - Guru : Objektif pembelajaran tidak tercapai - Murid : 70% tidak berpeluang menjalankan amali
Penyelidikan dan penyiasatan	- Kajian secara persampelan bertujuan - Kajian secara kaedah kualitatif

Rajah 1. Langkah penjelasan masalah

Penjelasan masalah yang lebih mendalam boleh dilihat dan digunakan menggunakan cara analisi punca dengan menggunakan tiga jenis teknik iaitu melalui mengvisualisasikan struktur masalah, memaparkan data dan maklumat dan teknik penyelesaian masalah. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan teknik penyelesaian masalah bagi langkah pertama iaitu penggunaan teknik *Brainstorming* dan *Five Whys*.

Teknik penyelesaian masalah: Brainstorming


Kaedah Brainstorming atau sumbangsaran adalah satu teknik popular dan sering diguna pakai di dalam berkumpul dalam menjana idea dan berkongsi pengetahuan untuk menyelesaikan masalah atau teknikal tertentu di mana ahli kumpulan digalakkan untuk berfikir tanpa gangguan salah atau betul dalam mengeluarkan pendapat atau idea. Kajian kes ini telah menggunakan kaedah Brainstorming bagi menentukan mengapa isu peruntukan kewangan menjadi faktor penyumbang utama dalam memberikesan terhadap seseorang murid RBT dan juga sekolah. Rajah 2 menunjukkan hasil *Brainstorming* terhadap isu dan kesan.

Isu: Perancangan RBT tidak dapat dilaksanakan	Penyebab: Bilangan pelajar sedikit.	Kesan: Murid tidak menunjukkan minat pada RBT	Kesan: Murid tidak dapat meadaptasikan proses
Isu: Pembayaran bil utility dan lain-lain	Penyebab: bantuan kurang	Kesan: kos peruntukan terhadap RBT menjadi kurang	Kesan: Sekolah mendapat gred purata rendah bagi RBT
Isu: Program dan keceriaan	Peyebab: Penggunaan dana yang sama	Kesan: pembahagian berkurang	Isu: Kemudahan pembelajaran terjejas

Rajah 2. Hasil *Brainstorming* terhadap isu dan kesan

Teknik penyelesaian masalah: *Five Whys*

Kaedah Five Whys merupakan cara atau langkah bagi mengenal pasti punca masalah dengan asasnya adalah bersoal tanya mengapa sebanyak lima kali berturut turut. Kaedah ini digunakan bagi menjelaskan lebih terperinci masalah utama permasalahan, mengkaji punca, kesan dan penambahbaikan. Rajah 3 menunjukkan hasil *Five Ways* terhadap isu dan kesan.




Rajah 3. Hasil *Five Whys* terhadap isu dan kesan

Langkah seterusnya adalah penggunaan mengvisualisasikan struktur masalah juga turut digunakan bagi memperincikan maklumat permasalahan dan mencari skop permasalahan yang sesuai. Teknik gambar rajah untuk menggambarkan struktur masalah yang digunakan didalam kajian ini adalah penggunaan Fishbone atau Ishikawa Diagrams.

Teknik gambar rajah: *Fishbone* atau *Ishikawa Diagrams*

Fishbone atau *Ishikawa Diagrams* merupakan alat bantu visual yang membolehkan mengenal pasti sebab dan akibat atau dikenali sebagai tulang ikan bagi memudahkan mengenal pasti sebab dan punca mengikut kategori disamping pemerhatian tambahan boleh dibuat. Istilah ini turut diakui menurut Ravi Chanthriga Eturajulu (2022). Bagi kajian ini, rajah bagi menunjukkan sebab akibat boleh dilakukan seperti dibawah menggunakan kaedah konsep "5M" iaitu lebih mudah dikenali sebagai man, money, material, method dan machine.



Rajah 4. Teknik gambar rajah *Fishbone* atau *Ishikawa Diagrams*

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis data kajian, isu-isu yang diketengahkan ini diperolehi melalui temu bual yang telah dilaksanakan. Isu-isu yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

Peruntukan Kewangan Tidak Mencukupi

Masalah utama yang dihadapi oleh panitia RBT dalam pengurusan kewangan ialah peruntukan bantuan kewangan yang diterima daripada pihak sekolah tidak mencukupi. Peruntukan ini ditentukan berdasarkan bilangan pelajar di sesebuah sekolah. Oleh itu, isu ini turut menjadi cabaran utama bagi kebanyakan sekolah terutama sekolah yang mempunyai bilangan murid yang rendah. Keadaan ini berlaku di sekolah yang dikaji apabila jumlah murid semakin berkurangan berbanding tahun sebelumnya. Berdasarkan maklumat daripada laman sesawang Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM), jumlah murid pada tahun 2023 adalah seramai 1,488 orang, tetapi berkurang kepada 1,433 orang pada tahun 2024. Pengurangan sebanyak 55 orang murid ini secara tidak langsung memberi kesan kepada peruntukan bantuan kewangan atau yang dikenali sebagai Bantuan Per Kapita Gran (PCG).

Selain itu, pengagihan peruntukan PCG mengikut kategori mata pelajaran teras, wajib, tambahan dan elektif sering menyebabkan terdapat mata pelajaran yang menerima peruntukan yang lebih banyak manakala yang lain menerima lebih sedikit. Bagi PCG bukan mata Pelajaran khususnya bagi Bimbingan dan Kaunseling, kekurangan peruntukan sering berlaku (Azizah Hassan, 2004). Pada tahun ini, peruntukan PCG untuk panitia RBT juga diberikan agak lewat sehingga menyebabkan pembatalan pembelian yang telah dirancang pada peringkat awal. Setelah peruntukan PCG diterima barulah panitia dapat melaksanakan pembelian seperti yang dirancang sebelum ini. Situasi ini sedikit sebanyak menjejaskan kelancaran pengurusan panitia RBT sepanjang tahun ini.

Pembahagian Wang Kepada Panitia RBT

Pada tahun 2024, peruntukan PCG yang diterima oleh panitia RBT menunjukkan sedikit perubahan berbanding tahun 2023. Peruntukan tersebut diberikan sebanyak dua kali pada tahun ini di mana peruntukan pertama berjumlah RM3040.29 diikuti oleh tambahan sebanyak RM2,200.00 pada bulan September. Jumlah keseluruhan peruntukan PCG bagi tahun ini ialah RM5,240.29 yang dilihat lebih rendah berbanding tahun sebelumnya iaitu RM6,613.39. Perbezaan yang ketara sebanyak RM1,373.10 ini telah menyebabkan pihak panitia perlu menyemak semula perancangan dan membatalkan atau mengurangkan perbelanjaan bagi menampung kekurangan tersebut.

Selain itu, pihak sekolah turut mengambil 20% daripada peruntukan PCG setiap panitia pada tahun ini. Langkah ini diambil untuk menampung kos pembelian kertas peperiksaan bagi kegunaan sepanjang tahun. Hasil daripada pengurangan 20% ini telah menjadi faktor utama yang menjejaskan perancangan pengurusan panitia RBT pada tahun ini.

Pengurusan Pembelian dan Pesanan

Ketua panitia diberikan tanggungjawab oleh pihak sekolah untuk menguruskan perbelanjaan wang PCG yang diterima. Sebelum melaksanakan sebarang pembelian atau pesanan, kebenaran daripada pengetua sekolah perlu diperolehi dengan mengemukakan borang nota minta. Prosedur ini penting untuk menjadi bukti sokongan kepada pihak sekolah sekiranya timbul isu berhubung kualiti, kuantiti barang, nama barang, harga atau tempoh perkhidmatan pembekal. Pengetua berhak menolak permohonan sekiranya bekalan tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.

Ketua panitia juga bertanggungjawab merancang pembelian tahunan bagi memastikan peruntukan wang PCG digunakan dengan optimum. Dalam hal ini, ketua panitia perlu bekerjasama dengan guru-guru mata pelajaran RBT untuk mengenal pasti keperluan dan permintaan. Perancangan ini akan menghasilkan anggaran perbelanjaan yang teliti dalam memastikan peruntukan digunakan untuk keperluan alat dan bahan PdPc khusus untuk mata pelajaran RBT sahaja. Antara keperluan yang dikenal pasti berdasarkan permintaan guru-guru RBT ialah pembelian alat dan bahan. Pembelian ini amat penting kerana mata pelajaran RBT melibatkan pembelajaran secara teori dan amali yang membantu murid lebih memahami topik yang diajar. Oleh itu, kekangan peruntukan yang kecil yang diterima sering menjadi cabaran kepada guru dalam melaksanakan PdPc bersama murid.

Pembelian bagi bahan projek turut diperlukan untuk murid Tingkatan 1, Tingkatan 2, dan Tingkatan 3. Setiap murid dikehendaki menghasilkan satu projek untuk dinilai oleh guru sebagai sebahagian daripada perkembangan pembelajaran yang direkodkan melalui Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). PBD ialah pentaksiran berterusan yang dilakukan dalam sesi PdPc untuk mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid. PBD ini dilaksanakan secara formatif dan sumatif dimana bukanlah untuk membandingkan tahap penguasaan antara murid tetapi untuk menilai perkembangan individu dan membantu guru dalam meningkatkan kualiti pengajaran mereka. Oleh itu, jika pembelian bahan projek dihadkan ini akan menyukarkan guru menilai potensi murid dalam menghasilkan projek yang relevan dengan topik yang diajar.

Penganjuran Program dan Keceriaan Bengkel

Peruntukan kewangan PCG yang diterima turut dimanfaatkan untuk menganjurkan pelbagai program yang berkaitan dengan peningkatan prestasi mata pelajaran RBT. Matlamat utama program-program ini adalah untuk mempertingkatkan pencapaian akademik murid sekali gus menyumbang kepada peningkatan prestasi akademik sekolah. Murid sentiasa digalakkan untuk berusaha mencapai prestasi terbaik seiring dengan matlamat sekolah yang beraspirasi ke arah kecemerlangan khususnya dalam aspek akademik dan sahsiah pelajar.

Keceriaan bengkel merupakan elemen yang perlu diberi perhatian kerana suasana bengkel yang selesa dan menarik mampu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan selamat bagi murid. Kualiti persekitaran bengkel dipengaruhi oleh pelbagai elemen seperti perabot dan peralatan, pencahayaan, ruang pembelajaran, penggunaan teknologi serta kualiti udara (Che Nidzam, Kamisah & Laila, 2010). Penambahbaikan aspek fizikal bengkel ini berupaya menyokong proses PdPc secara selesa dan menyeronokkan di samping memastikan keselamatan murid, mengurangkan risiko kecederaan semasa melakukan amali serta menyumbang kepada sikap positif, kesejahteraan, kebahagiaan dan kreativiti murid.

Kesimpulannya, keperluan panitia dalam melaksanakan program peningkatan prestasi, pembelian peralatan, bahan PdPc serta usaha menceriakan bengkel menjadi faktor utama yang mempengaruhi isu kewangan panitia. Hal ini kerana panitia perlu membahagikan peruntukan kepada pelbagai keperluan yang sama penting demi manfaat murid dan guru.

Kesan Masalah Pengurusan Kewangan Panitia

Beberapa kesan akan dikemukakan bagi masalah berdasarkan isu-isu dalam pengurusan kewangan sekolah yang dinyatakan di atas. Walaupun kesan yang dinyatakan ini tidak diberikan secara menyeluruh terhadap isu masalah tersebut, namun kesan ini diharapkan dapat membantu untuk mengenal pasti intervensi yang akan dilaksanakan kelak. Implikasi yang akan diuraikan akan menyentuh tiga pihak yang terlibat iaitu pihak sekolah, guru dan murid.

Pihak Sekolah

Sekolah merupakan antara pihak yang terkesan akibat kekurangan peruntukan daripada KPM. Kekangan kewangan ini memaksa pihak sekolah mengehendkan dan menanggungkan pelbagai program yang telah dirancang. Kebanyakan program hanya dapat dimulakan sekitar bulan Julai kerana peruntukan diterima agak lewat. Antara program yang dirancang termasuklah Program Peningkatan Prestasi, Program Peningkatan Profesionalisme Guru dan pelbagai program panitia. Program Peningkatan Prestasi bertujuan untuk meningkatkan tahap penguasaan murid khususnya mereka yang berada pada tahap sederhana dan lemah yang tergolong dalam kategori gagal lulus (Galus). Dalam konteks mata Pelajaran RBT, program ini memberi tumpuan kepada murid Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3. Pelaksanaan program ini memerlukan peruntukan kewangan yang besar terutamanya untuk membeli alat tulis, membayar penceramah, menyediakan makanan dan minuman serta menampung keperluan program lain. Jika diteliti dalam konteks mata pelajaran RBT, peruntukan kewangan sangat diperlukan untuk membeli alatan dan bahan bagi melaksanakan aktiviti amali setiap topik. Antara bahan yang diperlukan termasuk modul, alatan tangan, kertas A4, set mock-up sistem Fertigasi, resin dan hardener serta komponen mekanikal yang mencukupi untuk setiap murid. Kekurangan peruntukan memaksa ketua panitia membeli bahan dalam jumlah yang lebih kecil dari sebelum ini kerana peruntukan tersebut terpaksa diagihkan untuk pelbagai keperluan lain pula. Kekangan kewangan ini secara tidak langsung menjejaskan pencapaian Gred Purata (GP) terutamanya bagi mata pelajaran RBT. Kekurangan bahan dan ketidakmampuan untuk melaksanakan semua amali seperti yang dirancang menyebabkan GP RBT gagal mencapai sasaran yang ditetapkan berdasarkan Pelan Strategik dan Pelan Taktikal Panitia RBT. Hal ini berpunca daripada kelemahan murid dalam menguasai topik-topik amali yang diperlukan sepanjang proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdPc).

Guru

Guru memegang tanggungjawab utama dalam memastikan kemenjadian murid terutamanya dari aspek akademik. Fokus utama yang perlu diberikan oleh guru adalah memastikan objektif PdPc tercapai dalam setiap sesi bersama murid. Namun begitu, objektif ini sukar dicapai sekiranya peralatan dan bahan pembelajaran tidak mencukupi disebabkan kekangan kewangan yang dihadapi oleh panitia RBT. Sebagai contoh, murid Tingkatan 2 yang mempelajari tajuk Reka Bentuk Elektronik terpaksa berkongsi mikropengawal ketika melaksanakan satu program kawalan mudah. Situasi ini menyebabkan guru terpaksa mengambil beberapa sesi PdPc yang lain bagi memastikan semua pelajar dapat menguasai topik tersebut. Akibat daripada masalah ini, terdapat kemungkinan bahawa silibus RBT tidak dapat diselesaikan mengikut Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) yang telah dirancang oleh panitia RBT. RPT merupakan panduan penting bagi guru untuk merancang proses PdPc sepanjang tahun mengikut minggu berdasarkan sukatan pelajaran dan tahap pencapaian murid. Sekiranya RPT tidak diikuti dengan baik, penguasaan murid terhadap subjek RBT akan terjejas dan secara tidak langsung memberi kesan negatif terhadap pencapaian mereka. Selain itu, peruntukan kewangan juga amat diperlukan untuk membaik pulih serta menceriakan bengkel. Tanpa bantuan kewangan yang mencukupi, suasana pembelajaran menjadi kurang kondusif. Suasana yang kurang kondusif ini merujuk kepada keadaan yang tidak selesa seperti murid terpaksa menggunakan kerusi dan meja yang sudah usang dan berpotensi menyebabkan kemalangan kepada murid dan guru. Tambahan itu, kekurangan peruntukan kewangan juga turut menyebabkan bengkel kelihatan kurang ceria dan tidak berinformasi. Suasana bengkel yang ceria dan penuh informasi amat penting untuk meningkatkan semangat dan motivasi murid dalam proses PdPc yang lebih berkesan. Guru tidak berkemampuan untuk membeli bahan-bahan seperti bunting, langsir, pembalut meja dan bekas penyimpanan peralatan untuk menceriakan bengkel. Akibatnya, guru dan murid terpaksa menjalankan PdPc di dalam bengkel yang tidak kondusif, kurang ceria dan tidak berinformasi.

Murid

Implikasi utama yang paling ketara adalah terhadap murid khususnya apabila mereka terpaksa berkongsi alatan semasa menjalankan aktiviti amali di dalam bengkel. Dalam konteks mata pelajaran RBT, kebanyakan topik memerlukan pelajar melaksanakan amali bagi memastikan kefahaman mereka terhadap sesuatu topik dapat dicapai dengan berkesan. Aktiviti amali ini melibatkan penggunaan alatan seperti hot glue gun, tukul kuku kambing, set magnetcode, gergaji jigsaw dan pelbagai alatan lain. Namun begitu, pelaksanaan aktiviti amali ini terjejas akibat kekurangan alatan disebabkan masalah

kewangan yang dihadapi oleh panitia. Dalam mata pelajaran RBT, setiap murid dikehendaki melaksanakan projek secara individu berdasarkan topik yang telah ditetapkan. Namun begitu, akibat kekangan kewangan ini menyebabkan murid terpaksa melaksanakan projek secara berkumpulan. Keadaan ini menyukarkan guru untuk menjalankan pentaksiran PBD secara individu terhadap semua murid. Oleh itu, pentaksiran terpaksa dijalankan secara berkelompok mengikut kumpulan yang telah dibentuk. Kesan terakhir yang dihadapi murid akibat kekurangan peruntukan kewangan panitia RBT adalah keperluan mereka untuk menggunakan wang saku sendiri bagi menampung kos menyiapkan tugas projek yang diberikan. Murid yang berkemampuan biasanya dapat mengambil inisiatif untuk membeli alatan dan bahan yang diperlukan dalam proses menyiapkan projek. Manakala, bagi murid yang kurang berkemampuan hanya bergantung kepada alatan dan bahan yang sedia ada sahaja. Keadaan ini secara tidak langsung mempengaruhi kualiti hasil projek murid dan memberi kesan kepada keputusan PBD mereka.

Cadangan Penambahbaikan

Beberapa cadangan akan dikemukakan untuk mengatasi masalah dan isu-isu berkenaan dengan pengurusan kewangan panitia RBT yang telah dinyatakan di atas. Walaupun cadangan-cadangan berikut mungkin tidak dapat menyelesaikan kesemua masalah dan isu-isu tersebut, namun adalah diharapkan supaya cadangan-cadangan ini dapat menyelesaikan sebahagian besar daripadanya. Cadangan penambahbaikan pengurusan kewangan panitia akan melibatkan pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta beberapa inisiatif ahli panitia RBT itu sendiri. Pihak PIBG sekolah merupakan satu persatuan yang penting dalam organisasi sesebuah sekolah untuk membantu pengurusan pihak sekolah. Fungsi PIBG juga adalah untuk membantu sekolah dalam pelbagai aktiviti demi kebaikan murid-murid yang belajar di sekolah tersebut. Kewangan merupakan salah satu aspek yang mampu dibantu oleh pihak PIBG. Hal ini disebabkan oleh PIBG mempunyai beberapa tabung iaitu tabung akademik, tabung kokurikulum dan beberapa tabung yang lain. Dana kewangan PIBG diperolehi daripada sumbangan yang dikenakan kepada setiap murid semasa hari pendaftaran ke sekolah pada setiap tahun. Panitia RBT boleh memohon sumbangan daripada PIBG bagi membantu dari segi kewangan untuk sesebuah program yang dirancang kepada para murid. Wang tersebut boleh digunakan sama ada perbelanjaan makanan atau bayaran kepada penceramah.

Mata pelajaran RBT adalah salah satu daripada bidang teknik dan vokasional. Melalui bidang ini, pelbagai perancangan telah dibuat untuk sepanjang tahun seperti minggu teknik dan vokasional yang diwajibkan oleh setiap sekolah. Guru Kanan Mata Pelajaran Teknik dan Vokasional akan merancang pelbagai aktiviti untuk disusun dalam minggu tersebut untuk disertai oleh para murid. Antara contoh aktiviti yang diadakan sempena Minggu Teknik dan Vokasional ialah pertandingan reka bentuk pembungkusan makanan, pertandingan gubahan bunga, pameran projek inovasi pelajar dan pelbagai aktiviti berkumpulan dan individu yang lain. Oleh itu, dana kewangan panitia boleh diperolehi apabila panitia mengenakan bayaran pendaftaran bagi setiap penyertaan yang didaftarkan.

Inisiatif ketiga adalah melibatkan diri dalam program sekolah yang membolehkan panitia untuk mendapat dana kewangan. Sekolah telah merancang pelbagai program sepanjang tahun iaitu Hari Anugerah Cemerlang, Hari Sukan Tahunan Sekolah, Hari Kantin dan Hari Keusahawanan. Program-program ini akan melibatkan penglibatan daripada semua guru, murid dan para waris. Oleh hal yang demikian, panitia RBT perlu mengambil kesempatan ini dengan mengadakan jualan kepada warga sekolah dan tetamu yang hadir untuk program itu. Contoh jualan yang boleh dicadangkan ialah menjual makanan-makanan viral pada Hari Kantin dan Hari Keusahawanan, bouquet bunga dan *photo booth* pada Hari Anugerah Cemerlang serta minuman dan makan ringan pada Hari Sukan Tahunan Sekolah. Jualan-jualan seperti ini terbukti mampu untuk meraih keuntungan yang memberangsangkan dan secara tidak langsung dapat membantu menambahkan dana kewangan panitia.

Cadangan seterusnya adalah menghasilkan bahan pengajaran dan menjualnya kepada murid-murid dan dalam kalangan guru-guru RBT. Bahan pengajaran boleh berbentuk sama ada modul, set soalan mahupun bahan bantu mengajar (BBM). Modul merupakan set nota dan latihan mengikut bab yang disediakan oleh ahli panitia untuk kegunaan murid-murid RBT bagi setiap tingkatan. Hal ini bukan sahaja membantu dana kewangan malah membantu murid menguasai pembelajaran dengan lebih mudah. Penyediaan set soalan pula boleh menfokuskan kepada murid-murid sebagai persediaan mereka untuk menghadapi peperiksaan. Akhir sekali penyediaan bahan bantu mengajar yang mesra Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) akan menarik minat guru. Guruguru dan murid-murid perlu mengeluarkan wang untuk mendapatkan modul, set soalan dan BBM tersebut.

Inisiatif terakhir yang boleh dicadangkan oleh ahli panitia RBT adalah dengan menganjurkan Karnival Inovasi peringkat daerah. Karnival ini akan membuka peluang untuk panitia mendapatkan dana disamping mencungkil bakat murid-murid. Antara pertandingan yang boleh dianjurkan oleh pihak sekolah antaranya Pertandingan RC Jet, Pertandingan Robotik, Pertandingan Green Cooker dan pameran inovasi. Perolehan dana kewangan boleh ditingkatkan dengan menjemput sekolah-sekolah yang berdekatan dan menjadikannya sebagai karnival peringkat daerah. Hal ini kerana lebih banyak sekolah akan menyertai dan secara tidak langsung akan meningkatkan jumlah bayaran pendaftaran yang boleh dikenakan kepada sekolah-sekolah yang terlibat.

PERBINCANGAN

Pelaksanaan Proses *Reverse Brainstorming* sebagai Pendekatan Penyelesaian Masalah

Reverse brainstorming merupakan pendekatan yang berkesan dalam mengenal pasti punca masalah dan menghasilkan penyelesaian yang inovatif. Melalui kaedah ini, setiap kemungkinan kegagalan dianalisis secara mendalam diikuti dengan langkah-langkah penyelesaian yang sistematik. Beberapa strategi telah dirangka untuk memastikan proses ini dilaksanakan dengan jayanya dalam pelbagai konteks seperti pendidikan dan pengurusan projek. Langkah pertama melibatkan usaha memohon sumbangan daripada PIBG sekolah. Dalam pelaksanaannya, potensi kegagalan termasuk kurangnya sambutan daripada ahli PIBG, kekaburan proses permohonan dan ketiadaan platform komunikasi yang berkesan. Oleh itu, langkah penyelesaian yang dicadangkan termasuk mengadakan pertemuan khas dengan PIBG untuk menerangkan keperluan dana, menyediakan proposal yang jelas dan menarik serta menggunakan platform digital seperti *WhatsApp* dan e-mel bagi menyampaikan maklumat dengan lebih mudah dan pantas. Seterusnya, penganjuran aktiviti dalam minggu teknik dan vokasional turut disarankan sebagai salah satu inisiatif. Walau bagaimanapun, cabaran seperti kekurangan peserta, fasiliti dan bahan sokongan serta kos pendaftaran yang dianggap mahal perlu diatasi. Bagi mengatasi langkah-langkah ini seperti promosi meluas melalui media sosial, mencari penaja untuk menampung kos dan menawarkan pakej pendaftaran yang menarik dapat meningkatkan keberkesanan aktiviti ini. Selain itu, melibatkan diri dalam program mendapatkan dana panitia juga dianggap penting untuk menyokong pelbagai aktiviti sekolah. Potensi masalah seperti konflik jadual, kurangnya promosi dan kekurangan tenaga kerja perlu ditangani secara strategik. Merancang aktiviti lebih awal, menggalakkan guru dan pelajar sebagai duta promosi serta melibatkan alumni dan sukarelawan untuk membantu penganjuran adalah antara langkah praktikal yang boleh dilaksanakan.

Tambahan pula, penghasilan bahan pembelajaran untuk dijual merupakan inisiatif yang menjanjikan hasil jangka panjang. Namun, isu seperti kandungan bahan yang tidak relevan, harga yang dianggap mahal dan promosi yang terhad perlu diberi perhatian. Untuk memastikan kejayaan, bahan tersebut perlu dihasilkan oleh guru pakar, disokong dengan kaji selidik untuk menentukan harga yang sesuai serta dipromosikan melalui pelbagai saluran komunikasi seperti media sosial dan laman web sekolah.

Akhir sekali, penganjuran Karnival Inovasi peringkat daerah dicadangkan untuk memupuk kerjasama antara sekolah dan komuniti setempat. Dalam usaha ini, cabaran seperti kurangnya penyertaan, kekurangan dana dan masalah logistik perlu diatasi. Penyelesaian yang berkesan melibatkan penyediaan surat jemputan awal, mencari penaja untuk menampung kos penganjuran dan memilih lokasi strategik yang mudah diakses oleh semua pihak.

Proses Pelaksanaan *Reaching Closure Through Consensus* dalam Penyelesaian Isu Peruntukan Kewangan

Proses pelaksanaan *reaching closure through consensus* merupakan pendekatan penting dalam memastikan keputusan kolektif dapat dicapai dengan adil dan menyeluruh. Proses ini melibatkan beberapa peringkat bermula dengan perbincangan dan berakhir dengan tindakan konkrit bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan. Dalam konteks ini, cadangan “Menganjurkan Karnival Inovasi” dipilih sebagai langkah penyelesaian untuk mengatasi isu peruntukan kewangan bagi panitia subjek Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di sekolah. Pada peringkat awal, perbincangan menyeluruh diadakan melibatkan semua ahli kumpulan. Kesemua cadangan telah diberi peluang untuk dibincangkan termasuklah impak setiap cadangan terhadap matlamat utama. Cadangan-cadangan yang dibincangkan adalah seperti memohon sumbangan daripada PIBG sekolah, menganjurkan aktiviti teknik dan vokasional, melibatkan diri dalam program mendapatkan dana panitia, menghasilkan bahan

pembelajaran untuk dijual dan menganjurkan Karnival Inovasi peringkat daerah. Melalui proses ini, ahli kumpulan memastikan pemahaman yang mendalam terhadap kelebihan dan kekurangan setiap cadangan sebelum membuat keputusan.

Hasil daripada perbincangan tersebut, cadangan “Menganjurkan Karnival Inovasi” dipilih untuk diuji kerana ia bersifat inovatif dan mampu melibatkan komuniti dalam skala yang lebih besar. Langkah seterusnya adalah menguji konsensus dalam kalangan ahli kumpulan. Proses ini memastikan sama ada semua ahli bersetuju dengan cadangan yang dipilih. Sekiranya terdapat kebimbangan, cadangan perlu diubah suai bagi memenuhi keperluan kumpulan. Dalam kes ini, kebimbangan utama seperti kos penganjuran yang tinggi telah diatasi melalui kolaborasi dengan pihak luar termasuk melibatkan rakan kongsi dan penaja bagi mengurangkan beban kewangan. Walaupun terdapat minoriti ahli yang memilih untuk “berdiri teguh” tanpa sepenuhnya menyokong cadangan, mereka tidak menyekat proses keputusan. Ini membolehkan cadangan terus dilaksanakan setelah semua kebimbangan utama diminimumkan. Akhirnya, konsensus dicapai apabila cadangan “Menganjurkan Karnival Inovasi” dipersetujui dengan pelan pelaksanaan yang telah disesuaikan.

Peringkat terakhir melibatkan pelaksanaan titik tindakan yang dirancang. Langkah-langkah konkrit termasuk membentuk jawatankuasa kecil untuk mengurus karnival, menetapkan bajet dan sumber serta melibatkan rakan kongsi atau penaja bagi memastikan kelancaran penganjuran. Proses ini mencerminkan bagaimana konsensus bukan sahaja membantu dalam membuat keputusan yang inklusif tetapi juga menyediakan asas kukuh untuk tindakan yang berkesan dan mampan. Dengan pelaksanaan Karnival Inovasi ini, sekolah dapat menangani isu peruntukan kewangan bagi panitia subjek RBT secara lebih sistematik dan strategik. Pendekatan ini membuktikan keupayaan *reaching closure through consensus* dalam menggabungkan pelbagai pandangan untuk menghasilkan keputusan kolektif yang memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya mengenal pasti beberapa isu utama berkaitan pengurusan peruntukan kewangan dalam panitia mata pelajaran RBT di sekolah menengah. Antara isu yang dikenal pasti termasuklah pengurangan jumlah peruntukan berbanding tahun sebelumnya, kelewatan penerimaan peruntukan, dan kesukaran menguruskan perbelanjaan untuk pelbagai keperluan panitia. Isu-isu ini telah memberi kesan yang ketara kepada PdPc serta pencapaian akademik murid dalam mata pelajaran RBT. Hasil kajian menunjukkan bahawa kekangan kewangan yang dihadapi oleh panitia RBT memberi implikasi kepada tiga pihak utama iaitu pihak sekolah, guru dan murid. Pihak sekolah terpaksa menangguhkan atau membatalkan program-program yang telah dirancang, guru menghadapi kesukaran untuk mencapai objektif PdPc dengan berkesan manakala murid pula terjejas dari segi kualiti pembelajaran terutamanya dalam aktiviti amali yang memerlukan peralatan dan bahan yang mencukupi. Keadaan ini secara tidak langsung menjejaskan pencapaian Gred Purata (GP) mata pelajaran RBT dan matlamat untuk melahirkan murid yang berkemahiran dalam bidang teknikal.

Bagi menangani isu-isu tersebut, beberapa cadangan penambahbaikan telah dikemukakan termasuk memohon sumbangan daripada PIBG, menganjurkan aktiviti teknik dan vokasional, melibatkan diri dalam program sekolah untuk mendapatkan dana, menghasilkan bahan pembelajaran untuk dijual dan menganjurkan Karnival Inovasi peringkat daerah. Melalui proses *reaching closure through consensus*, cadangan menganjurkan Karnival Inovasi telah dipilih sebagai penyelesaian utama kerana potensinya untuk melibatkan komuniti yang lebih luas dan menjana hasil yang lebih signifikan. Dengan pelaksanaan cadangan-cadangan ini secara sistematik dan berkesan, diharapkan isu kewangan yang dihadapi oleh panitia RBT dapat diatasi sekali gus memastikan kualiti pendidikan teknikal di sekolah dapat dipertingkatkan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris atas sokongan institusi dan kemudahan yang disediakan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada semua peserta/responden yang telah meluangkan masa dan berkongsi pandangan mereka semasa proses pengumpulan data.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan.

SUMBANGAN PENULIS

Penulis 1.: Struktur penulisan artikel. **Penulis 2.:** Semakan penulisan dan analisis data. **Penulis 3.:** Perancangan metodologi. **Penulis 4.:** Perbincangan hasil analisis data. **Penulis 5.:** Perbincangan hasil analisis data. **Penulis 6.:** Perbincangan hasil analisis data

KEBOLEHPEROLEHAN DATA DAN BAHAN

Data boleh diperoleh atas permintaan daripada para penulis.

PERISYTIHARAN MENGENAI AI GENERATIF

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada penggunaan AI generatif dalam penulisan artikel ini.

KENYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan.

RUJUKAN

- Alias Mat Saad, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, Ruhizan Mohammad Yassin. (2001). Penilaian kemudahan pembelajaran, peruntukan kewangan dan kursus dalam perkhidmatan bagi kursus Pendidikan Islam di Politeknik Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 2011 123-134.
- Azizah Hassan (2004). Pengurusan kewangan sekolah: Kajian kes di sebuah sekolah menengah harian biasa bertaraf PTJ di Daerah Kuala Terengganu. Kertas Projek Sarjana Kepengetuaan, Universiti Malaya.
- Butterfield, J. (2016). *Problem Solving and Decision Making - Soft Skills for a Digital Workplace*. Cengage Learning, 2016.
- Che Nidzam, Kamisah & Laila (2010). Persekitaran pembelajaran: Aspek fizikal dan psikososial. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Norfariza Mohd Radzi & Saedah Siraj (2013) Implementing a type of financial managements in Malaysian public schools: an initial study. *Global Business and Economics Research Journal*, 2(2): 29-51.
- Noraini Idris (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. (Edisi ke-2). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Shahril @ Charil Marzuki. (2005). Pengurusan Kewangan di Sekolah Rendah dan Menengah di Malaysia: Isu, Masalah dan Cadangan untuk Mengatasinya. *Masalah Pendidikan*, 28(1), 143–152.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (2001). *Pentadbiran pendidikan*. Petaling Jaya, Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.